

16/06/2004

Seni di Terengganu selari Islam Hadhari

By Muhammad Zakaria

KENYATAAN Penasihat Kehormat Karyawan, Zaienal Abidin Omar, dalam akhbar ini Sabtu lalu mengenai kegiatan seni di Terengganu amat tidak wajar.

Kerajaan Terengganu tidak pernah menghalang kegiatan seni dijalankan di negeri itu. Sepatutnya beliau berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataannya supaya tidak mencampuri urusan pentadbiran negeri.

Apa yang dilakukan Kerajaan Terengganu ialah menapis setiap kegiatan seni yang hendak dijalankan di negeri itu bagi memastikan ia bertepatan dengan motto kerajaan negeri iaitu Islam Hadhari, Terengganu Bestari.

Kerajaan Terengganu masih membenarkan penggiat seni yang ingin menjalankan kegiatan mereka di negeri itu, tetapi hendaklah mematuhi syarat ditetapkan yang bertepatan dengan kehendak Islam Hadhari.

Adakah dengan menghalang penyanyi rock dan yang tidak menutup aurat serta berpakaian tidak sopan akan membantutkan kegiatan seni di Terengganu?

Itu adalah pandangan yang cetek sama sekali.

Saudara Zaienal perlu sedar bahawa seni itu bukan hanya nyanyian semata-mata.

Bahkan banyak lagi kegiatan seni yang dijalankan di Terengganu seperti deklamasi puisi, nasyid, malah persembahan pentas yang lain turut diadakan di Terengganu.

Buktinya, baru-baru ini kerajaan Terengganu meluluskan sebuah stesen radio mengadakan promosinya di Pantai Batu Burok yang turut diserikan persembahan artis seperti Ameng, Bienda, kumpulan nasyid Inteam dan Wirdani.

Adakah saudara tidak menyedari perkara ini. Malah, sebelum itu kerajaan negeri menjemput kumpulan Raihan dan Wahieda mengadakan persembahan di Kuala Berang untuk meraikan masyarakat di kawasan berkenaan.

Yang pentingnya penyanyi terbabit tidak melanggar prinsip Islam Hadhari yang diperjuangkan di Terengganu.

Saudara tidak boleh menyamakan Terengganu dengan negeri lain. Terengganu ada caranya tersendiri.

Kerajaan Terengganu amat menitikberatkan kemaslahatan rakyatnya supaya tidak terbabit dengan anasir tidak baik yang boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Lantaran itu, kerajaan negeri membuat perancangan teliti berkaitan kegiatan seni dan hiburan di Terengganu.

Bagi kerajaan negeri, hiburan adalah penting tetapi hendaklah bersesuaian dengan syariat dan adat.

Ini bagi memastikan masyarakat tidak terpengaruh dengan hiburan yang berpaksikan Barat.

Berikutan itu, Menteri Besar telah mengarahkan Exconya menjalankan kajian terperinci berkaitan hiburan yang sesuai supaya tidak bertentangan dengan syariat dan adat.

Ketika ini, kerajaan negeri tetap meluluskan permit untuk mengadakan konsert nasyid dan persembahan yang memberi kesan positif kepada rakyat.

Saya ingin memetik kata-kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa kita hendak maju dengan acuan kita sendiri.

Untuk Menteri Besar, Datuk Idris Jusoh, kami rakyat Terengganu berdiri teguh dan menyokong setiap agenda kepemimpinan Datuk selagi ia bertepatan dengan kehendak syariat dan adat.

MUHAMMAD ZAKARIA,

Kuala Terengganu,
Terengganu.

(END)